



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN  
MALAYSIA



## KENYATAAN MEDIA JABATAN PENGANGKUTAN JALAN MALAYSIA

---

### “756 INDIVIDU DI NEGERI SEMBILAN TERIMA MANFAAT LESEN MEMANDU MALAYSIA KELAS B2 (MOTOSIKAL)”

**Negeri Sembilan, 15 Julai 2023** – Kementerian Pengangkutan Malaysia melalui Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Malaysia pada hari ini telah melancarkan inisiatif bantuan Lesen Memandu Malaysia Kelas B2 (Motosikal) kepada seramai **756** penerima manfaat daripada golongan B40 di Negeri Sembilan menerusi **Program MyLESEN B2 Peringkat Negeri Sembilan**.

Pelancaran Program MyLESEN B2 Peringkat Negeri Sembilan, disempurnakan oleh **YB Loke Siew Fook, Menteri Pengangkutan Malaysia** di sini hari ini.

Pada hari ini, seramai **363 orang** penerima bantuan merupakan golongan B40 yang majoritinya masyarakat Orang Asli yang terdiri daripada pelajar sekolah, penerima bantuan e-Kasih, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Orang Kelainan Upaya dan lain-lain bentuk bantuan di daerah Jelebu akan menerima manfaat **Lesen Memandu Malaysia Kelas B2 (Motosikal)** di bawah Program MyLESEN B2 Peringkat Negeri Sembilan.

Program MyLESEN B2 merupakan komitmen dan usaha cakna Kerajaan untuk membantu golongan B40 mempertingkatkan taraf sosioekonomi dan pendapatan isi rumah melalui peluang pekerjaan terutamanya ekonomi gig. Pemilikan Lesen Memandu Kelas B2 ini akan memberi manfaat kepada penduduk di Negeri Sembilan untuk memudahkan pergerakan menguruskan aktiviti-aktiviti ekonomi setempat seterusnya meningkatkan pendapatan isi rumah.

Kerajaan berharap inisiatif ini akan melahirkan pemandu kenderaan bermotor yang kompeten dan selamat seterusnya meningkatkan kesedaran orang ramai terhadap pematuhan peraturan-peraturan jalan raya dan juga pembudayaan keselamatan jalan raya.

**JABATAN PENGANGKUTAN JALAN  
MALAYSIA**

**15 JULAI 2023**

**[TAMAT]**